

RUANG LINGKUP ALASAN "RESPONDEN ENGGAN MENYEMPURNAKAN PERKAHWINAN" – KES *RATHEE V. SHANMUGAM*¹

Kes ini menarik perhatian sebagai contoh bagaimana mahkamah memberi tafsiran yang luas kepada alasan yang jika di pandang sepintas lalu nampaknya sempit.

Pihak petisyen dalam kes ini telah memohon dikri pembatalan di bawah S. 15(1)(b), Ordinan Perceraian, 1952 atas alasan perkahwinannya tidak disempurnakan kerana responden dengan sengaja enggan menyempurnakan perkahwinan mereka. Mereka telah berkahwin di Pejabat Pendaftar menurut Ordinan Perkahwinan Sivil, 1952 tetapi mereka telah berjanji bahawa mereka tidak akan bersekedudukan sehingga perkahwinan adat Hindu dijalankan. Ibubapa kedua-dua pihak telah membuat persiapan untuk perkahwinan adat Hindu tetapi responden memberi tahu mereka bahawa dia tidak mahu meneruskan upacara tersebut. Oleh kerana upacara adat itu belum diadakan, pihak petisyen dan responden tidak boleh tinggal bersama sebagai suami-isteri. Oleh itu, pihak petisyen ingin membatalkan perkahwinan sivilnya.

Isu yang hendak diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada keengganan responden untuk melangsungkan perkahwinan Hindu boleh dianggap sebagai keenganannya untuk menyempurnakan perkahwinan sivil itu.

Biasanya, bila dikatakan responden enggan menyempurnakan perkahwinan, apa yang dimaksudkan ialah responden tidak mahu melakukan persetujuan dengan pihak petisyen selepas tarikh perkahwinan mereka. Tetapi, kita dapati beberapa kes di England yang telah meluaskan maksud alasan itu kepada beberapa situasi yang lain.

Satu daripada situasi tersebut ialah seperti terdapat dalam kes *S. v. S*² dalam mana pihak yang enggan menerima rawatan untuk menghilangkan sesuatu halangan yang menghindar persetujuan maka ia dianggap sebagai enggan menyempurnakan

¹[1981] 1 M.L.J. 263.

²[1956] P.1.

perkahwinan kerana sekiranya ia menerima rawatan tersebut ia sudah tentu boleh melakukan persetubuhan. Jadi, keengganan untuk menerima rawatan disamakan dengan keengganan untuk melakukan persetubuhan.

Satu lagi situasi ialah seperti terdapat dalam kes *Jodla v. Jodla*^{2a}. Kes itu berkenaan dengan pasangan Katholik yang telah kahwin di Pejabat Pendaftar di England dengan syarat bahawa mereka tidak akan bersekedudukan sehingga perkahwinan di gereja dijalankan. Keengganan suami untuk mengadakan perkahwinan di gereja Katholik disamakan dengan keengganan untuk menyempurnakan perkahwinan dan si-isteri diberi dikri pembatalan.

Keputusan dalam kes *Jodla* itu, diikuti oleh Hakim yang memutuskan kes *Kaur v. Singh*³ di England dan juga Hakim yang memutuskan kes *Tan Siew Choon v. Tan Kai Ho*⁴ di Singapura. Fakta-fakta dalam kedua-dua kes itu adalah sama dengan kes *Jodla* dan juga dengan kes *Rathee v. Shanmugam* ini yang merupakan kes pertama dari Malaysia mengenai perkara ini.

Hakim yang arif, Wan Sulaiman, Hakim Persekutuan, dalam pembicaraan kes ini, menerima keterangan dari seorang saksi pakar, iaitu seorang sami yang pakar dalam bidang Undang-undang Hindu. Menurut sami itu, ugama Hindu tidak mengiktiraf perkahwinan di Pejabat Pendaftaran, iaitu perkahwinan sivil. Oleh itu pasangan suami-isteri Hindu tidak boleh tinggal bersama sehingga mereka mengikuti upacara Hindu untuk melangsungkan perkahwinan mereka. Dengan keterangan ini dan nas kes-kes yang dibincangkan di atas, Hakim Wan Sulaiman memutuskan bahawa keengganan responden untuk meneruskan perkahwinan adat Hindu merupakan keengganannya untuk menyempurnakan perkahwinan sivilnya. Pihak petisyen diberi dikri membatalkan perkahwinannya.

Walaupun kes ini merupakan keputusan di bawah Ordinan Perceraian 1952 yang dimansuhkan oleh Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, namun demikian kes ini boleh digunakan sebagai nas pada masa depan sebab alasan yang sama iaitu seperti yang terdapat dalam S.

^{2a}[1960] 1 All E.R. 625.

³[1972] 1 All E.R. 292.

⁴[1973] 2 M.L.J. 9.

15(1)(b), Ordinan Perceraian, 1952 terdapat juga di dalam Akta Membaharui Undang-undang di bawah S. 70(b).

Namun begitu, ada kemungkinan besar bahawa kes seperti ini tidak akan berlaku lagi kerana di bawah Akta 1976, perkahwinan yang boleh diupacarakan untuk orang beragama Hindu adalah perkahwinan yang dilangsungkan di kuil menurut upacara Hindu tetapi bercorak monogami dan didaftarkan sebaik sahaja upacara diadakan. Ini bermakna bahawa pihak yang berkahwin yang ingin mengadakan perkahwinan monogami yang berdaftar tetapi mahu juga mengikuti ugama dalam upacara perkahwinan mereka, tidak perlu lagi mengadakan dua upacara berasingan seperti di bawah undang-undang lama. Kini, kedua-dua "jenis" perkahwinan itu akan diadakan serentak. Jadi keadaan seperti dalam kes *Rathee* ini mungkin jarang berlaku pada masa depan. Hanya dalam suatu keadaan tertentu sahaja mungkin timbul masalah seperti ini, iaitu sekiranya sami dari kuil di mana perkahwinan hendak diadakan tidak dilantik dan diwartakan sebagai penolong pendaftar perkahwinan. Jadi, pihak yang berkahwin terpaksa berkahwin di Pejabat Pendaftar dahulu dan kemudian meneruskan upacara Hindu di kuil tersebut.

Mehrun Siraj

